

27/04/1997

PM dapat mandat penuh lantik MB

SHAH ALAM: Semua pihak di Selangor termasuk Sultan Selangor memberi kerjasama yang cukup baik dan memberi mandat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menentukan calon menteri besar yang baru.

"Sultan Selangor dan bekas Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd Taib serta barisan Exco kerajaan negeri dan Badan Perhubungan Umno negeri, sudah memberi mandat untuk menentukan calon Menteri Besar," kata Dr Mahathir.

"Perhubungan (Umno Selangor) serah kepada saya, Sultan pun serah kepada saya, Muhd Taib pun serah kepada saya, Exco pun serah kepada saya. Jadi, saya dapat kerjasama yang cukup baik," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan kereta sport pertama negara, TVR Chimaera, di Litar Lumba Shah Alam, di sini semalam, Perdana Menteri bagaimanapun berkata setakat ini beliau belum membuat sebarang keputusan berhubung calon yang layak menduduki jawatan Menteri Besar Selangor.

Menurut Dr Mahathir, pengumuman nama menteri besar yang baru akan dibuat bergantung kepada berapa lama masa yang beliau perlukan untuk mengkaji serta meneliti calon terbabit.

Mengenai pertemuannya dengan Badan Perhubungan Umno Selangor pagi semalam, Dr Mahathir berkata, ia adalah perkara biasa untuk menjelaskan beberapa keadaan.

"Ya, saya jumpa dengan Umno Selangor, cuma sebagai satu perkara biasa sebelum kita buat sesuatu. Kita ada perhubungan untuk menjelaskan keadaan," katanya. Ditanya sama ada dalam pertemuan itu Perhubungan Umno negeri mencadangkan calon menteri besar, beliau berkata: "Tiada cadangan siapa nak jadi (menteri besar).

Dr Mahathir dikatakan mengadakan pertemuan lebih sejam dengan ahli Badan Perhubungan Umno Selangor di pejabatnya, pagi semalam.

Pertemuan itu yang diketuai Timbalan Pengerusi Umno Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, dihadiri semua ahli badan perhubungan, kecuali Ketua Umno Bahagian Gombak, Hulu Selangor dan Puchong, yang diwakili timbalan masing-masing.

Selasa lalu, Dr Mahathir turut mengadakan pertemuan dengan Sultan Selangor dan Ahli Exco negeri.

Isu berhubung calon Menteri Besar Selangor menjadi teka-teki selepas Muhammad Taib meletak jawatan pada 14 April lalu berikutan dua tuduhan yang dihadapinya di mahkamah Australia kerana didakwa gagal mengisytiharkan wang tunai RM2.4 juta yang dibawanya di Lapangan Terbang Brisbane pada 22 Disember serta tuduhan membuat pengisytiharan palsu.

(END)